


Soalan Objektif
[20 markah]

Soalan 1 hingga 16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Setelah sultan mangkat, maka takhta kerajaan negeri itu pun diserahkan kepada putera _____.
 A baginda
 B tuanku
 C beta
 D nya
2. Di _____ pokok itu, tumbuh sekaki cendawan yang besar saiznya.
 A penjuru
 B hujung
 C dasar
 D pangkal
3. Tapak tangan Pak Hassan _____ selepas mencangkul tanah di kebunnya petang tadi.
 A mengelupas
 B menggerutu
 C melecur
 D melecet
4. Saya _____ menuntut di Universiti Putra Malaysia enam tahun yang lalu.
 A mahu
 B masih
 C pernah
 D sedang
5. Kerajaan _____ menggalakkan penggunaan bahan yang _____ untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar.
 A suci murni
 B mesra alam
 C mudah alih
 D mesra pengguna
6. Tunku Abdul Rahman merupakan _____ ulung yang banyak berjasa kepada negara.
 A negarawan
 B usahawan
 C sejarawan
 D dermawan
7. Di tepi tangga rumah nenek ada _____ tempayan yang digunakan untuk menadah air hujan.



- A sebijl
- B sebuah
- C seketul
- D setongkol

8. _____ penonton akan dihiburkan dengan _____ persembahan daripada murid tahun satu.

- A Ramai ... sedikit
- B Para ... beberapa
- C Kebanyakan ... para
- D Beberapa .. sesetengah

9. Kemajuan dari segi material dengan kemajuan dari segi moral harus kita _____ untuk mewujudkan sebuah negara yang bertamadun.

- A seimbang
- B diimbang
- C imbangi
- D imbangan

10. Bahagian _____ yang menyokong bumbung rumah itu telah patah akibat dihempap pokok kelapa.

- A kekisi
- B tetupai
- C kekuda
- D tetambak

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



11. Radhi dan Zain mendayung perahu _____ arus bagi menyelamatkan diri daripada hanyut di kawasan jeram yang sangat curam.

- A mengharung
- B menyusur
- C mengikut
- D menongkah

12. Banjir yang _____ kampung itu menyebabkan kerugian yang ditanggung oleh penduduk amat besar.

- A ditenggelami
- B penenggelaman
- C menenggelami
- D menenggelamkan

13. Pilih ayat **kata banyak makna** yang betul.

- I Ahmad telah menerima bahagian pusakanya.
- II Saya hanya dapat bahagian kek itu.
- III Nenek Zaiton sering sakit pada bahagian kakinya.
- IV Kereta yang mengalami kemalangan itu rosak pada beberapa bahagian.

- A I dan II
- B II dan IV
- C I, II dan III
- D I, III dan IV

14. Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Cikgu Salim memberi kebenaran kepada Anis untuk ke kedai buku.

- A Anis meminta kebenaran untuk pergi ke kedai buku.
- B Anis mendapat kebenaran daripada Cikgu Salim untuk pergi ke kedai buku.
- C Anis dan Cikgu Salim mendapat kebenaran untuk ke kedai buku.
- D Cikgu Salim mendapat kebenaran daripada Anis untuk ke kedai buku.

15. Ketika Azam ditimpa kesusahan, Hussinlah yang sering menolongnya.

Pilih perkataan **sinonim** bagi kesusahan.

- A padah
- B musibah
- C cabaran
- D kemalangan

16. Pilih ayat yang **betul**.

- A Kedua-dua mangsa kebakaran itu ditempatkan di unit rawatan rapi.
- B Para-para pekerja memasukkan nanas ke dalam bakul.
- C Semua murid-murid dikehendaki menghantar laporan mereka segera.
- D Nenek mencabut pucuk ubi di belakang rumahnya.

Soalan 17 hingga 20

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Gurindam Sifat Terpuji

Jika kita murah senyuman,
Pasti kita disenangi teman.

Jika kita suka membantu,
Nama baik disebut selalu.

Jika kita hormat-menghormati,
Hidup harmoni tentu diberkati.

Jika kita merendah diri,
Hidup bahagia berseri-seri.

Jika kita berbudi bahasa,
Diri dikasihi sepanjang masa.

Jika hidup selalu berbudi,
Dikenang orang sampai mati.

17. Apakah yang dimaksudkan dengan **murah senyuman**?
- A Senyuman yang sentiasa terukir.
 - B Senyuman yang sengaja dibuat-buat.
 - C Senyuman boleh dibeli dengan harga murah.
 - D Senyuman yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit.
18. Berpandukan puisi di atas, apakah kesannya jika kita selalu membantu orang lain?
- A Kita akan disenangi oleh rakan-rakan.
 - B Kita mendapat pujian orang sepanjang masa.
 - C Kita dapat meringankan beban orang lain.
 - D Kita hidup dalam keadaan harmoni.
19. Bagaimanakah caranya untuk hidup dalam harmoni?
- A Kita mestilah bersikap rendah diri.
 - B Kita hendaklah berbudi sepanjang masa.
 - C Kita sepatutnya menghormati orang lain.
 - D Kita hendaklah tegur-menegur antara satu sama lain.

20. Peribahasa yang sesuai dengan rangkap terakhir puisi di atas ialah...
- A hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
 - B diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat.
 - C hati gajah sama dilapah, hati nyamuk sama dipecah.
 - D harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.

Soalan Subjektif

[20 markah]

Soalan 21

- (a) Garisi jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.
- Siti (kehairanan, ketakutan, kegirangan) apabila namanya diumumkan sebagai pemenang cabutan bertuah.
 - Hadi terpaksa (mengayuh, menuntun, menunggang) basikalnya yang rosak sewaktu pulang dari sekolah.
 - Inilah kali pertama Murni (menghulurkan, menjejakkan, memijakkan) kakinya di Stadium Nasional Bukit Jalil.

[3 markah]

- (b) Nyatakan **betul** atau **salah** bagi kata penguat berdasarkan ayat di bawah.

i) Budak kecil ini amat pintar betul.	
ii) Pesawat itu mendarat dengan laju sekali lalu terbabas di hujung landasan.	
iii) Pintar sangat Sang Monyet kerana berjaya menipu Sang Harimau yang garang itu.	

[3 markah]

Soalan 22

Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan.

(ii)	Aktiviti lasak dan mencabar seperti _____ gua semakin digemari oleh remaja masa kini.		mengagumkan
(iii)	Haikal memperoleh pengalaman _____ sotong bersama-sama keluarga angkatnya di Mersing.		meneroka
(iv)	Puan Hasni _____ kekabu itu ke dalam sarung bantal yang baru dibuatnya.		mencandat
(v)	Taman Negara Rompin menyimpan pelbagai rahsia flora dan fauna yang _____ para pengunjung.		mengisikan

[4 markah]

Soalan 23

Berdasarkan ayat yang diberikan di bawah, tulis peribahasa yang sesuai.

• Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
• Di mana ada gula, di situ ada semut
• Berpantang maut sebelum ajal
• Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh
• Sedikit-sedikit lam-lama jadi bukit

1. Pemandu itu mengalami kecederaan ringan walaupun keretanya remuk setelah terlibat dalam kemalangan jalan raya.

2. Negara kita terus menjadi tumpuan warga asing untuk mencari peluang pekerjaan.

3. Tarian zapin masih popular di selatan tanah air dan sering dipersembahkan dalam majlis keramaian.

4. Puan Jamilah menggunakan wang yang disimpannya untuk membeli sebuah pasar mini di pekan.

5. Perpaduan kaum di negara ini perlu diperkukuh untuk mengelakkan perpecahan berlaku dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

[5 markah]

Soalan 24

Susun setiap petikan di bawah agar menjadi satu karangan lengkap.

[5 markah]

Antara cabaran yang terpaksa dihadapi oleh para pemain pada hari pertandingan adalah bermain di gelanggang bersimen sedangkan mereka menjalani latihan di padang. Namun begitu, beliau berasa bangga kerana pasukan Sekolah Kebangsaan Kem Terendak 1 dapat mempraktikkan pelbagai teknik bermain yang telah dipelajari dengan baik.

Menurut Encik Sahabudin lagi, pasukannya akan meluangkan masa yang lebih untuk menjalani latihan bagi menghadapi cabaran yang lebih getir. Berbekalkan dorongan dan semangat daripada warga sekolah, jurulatih, guru-guru, dan ibu bapa pemain, mereka berharap agar impian mereka untuk menyarung jersi negeri bagi melayakkan mereka ke peringkat kebangsaan akan terlaksana.

Guru penolong kanan kokurikulum, Encik Sahabudin bin Adam berkata, walaupun menghadapi masalah cuaca yang tidak menentu dan waktu latihan yang terhad. Keadaan itu tidak menjadi batu penghalang bagi pasukannya merangkul pingat emas. Kegigihan menjalani latihan telah meningkatkan mutu permainan pasukan mereka semasa pertandingan peringkat akhir dijalankan.

Pasukan bola tampar sekolah tersebut juga telah membuktikan kebolehan mereka apabila berjaya meraih gelaran juara peringkat daerah Alor Gajah sebanyak tiga kali berturut-turut. Seterusnya, mereka akan bersiap siaga untuk menggondol kejuaraan peringkat negeri pula.

ALOR GAJAH, 26 Mei - Sekolah Kebangsaan Kem Terendak 1 telah menjuarai pertandingan bola tampar peringkat Alor Gajah semalam. Pertandingan bola tampar itu telah diadakan selama seminggu bermula Isnin minggu lepas.

-KERTAS SOALAN TAMAT-